# KERTAS CADANGAN SEMAKAN TERMA RUJUKAN SENAT
# (MATRIKS AUTORITI SENAT DAN PIHAK BERKUASA UNIVERSITI)

## 1. TUJUAN

Tujuan kertas kerja ini adalah: -

1.1. Untuk memantapkan tadbir urus akademik dan Senat selaras dengan Perlembagaan USM.

1.2. Untuk memastikan fungsi Senat sebagai satu Badan Berkuasa Akademik tertinggi yang mengawal dan bertanggungjawab ke atas arahan am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan dan penetapan serta pengurniaan ijazah, diploma sijil dan kepujian akademik lain serta beberapa badan berkuasa lain yang di bawahnya berfungsi dengan berkesan.

1.3. Untuk mendapat kelulusan Senat bagi penurunan kuasa Senat kepada Pihak Berkuasa / Jawatankuasa di bawah Senat bagi fungsi-fungsi tertentu.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1. Semakan terma rujukan Senat dibuat berdasarkan perlembagaan dan statut USM dan merujuk kepada **Autoriti** atau **Punca Kuasa** di mana sumber peruntukan/arahan/peraturan diwujudkan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab sesebuah Organisasi.

2.2. Proses pengumpulan dan mengintegrasi punca kuasa perkara akademik yang berkaitan antara satu sama lain dilaksanakan menerusi bentuk matriks yang dikenali sebagai Matriks Autoriti Akademik.

2.3. Fungsi Matriks Autoriti Akademik adalah sebagai sumber rujukan bersepadu mengenai punca kuasa tadbir urus akademik khasnya Senat. Maklumat akademik yang menyeluruh meliputi kesemua pihak (Pegawai Universiti dan Pihak Berkuasa Universiti) dan sebagai rujukan utama ketua jabatan dan staf yang terlibat.

2.4. Semakan berhubung terma rujukan Senat dilaksanakan dari masa ke semasa berdasarkan kronologi tarikh berikut:-

| Bil. | Tarikh | Catatan |
|---|---|---|
| 1 | 03.07.2020 | Perbincangan Semakan Terma Rujukan Senat Bersama Pendaftar dan Pejabat Perundangan |
| 2 | 19.04.2019 | Nota perbincangan cluster Pengurusan Governan |
| 3 | 29.01.2019 | Kompilasi Peraturan Akademik dan Matriks Autoriti (Punca Kuasa) USM |
| 4 | 09.01.2019 | Perbincangan Bersama Pendaftar dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) |

## 3. PERINCIAN

| | | |
|---|---|---|
| 3.1. Lampiran 1 | - | Kuasa Senat dan Lembaga Gabenor Universiti dalam Perlembagaan USM. |
| 3.2. Lampiran 2 | - | Semakan Terma Rujukan Senat<br>Matriks Autoriti Senat dan Pihak Berkuasa Universiti (PBU)<br>(Majlis / Jawatankuasa Utama Univerisiti – Senat – LGU) |
| 3.3. Lampiran 3 | - | Senarai Majlis Akademik Pusat Pengajian/Pusat/Institut |

**LAMPIRAN 1**

## KUASA SENAT DAN LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI DALAM PERLEMBAGAAN USM

Senat adalah menjadi badan akademik bagi Universiti dan, tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan ini, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain (Seksyen 24(7)).

| PERLEMBAGAAN USM - SEKSYEN 4(1) dan SEKSYEN 4(3) | | SENAT | LGU |
|---|---|---|---|
| 4(1)(a) | untuk menyediakan kursus pengajaran, mengadakan peperiksaan, membuat peruntukan bagi penyelidikan, dan mengambil apa-apa langkah lain yang didapati perlu atau mustahak bagi kemajuan dan penyebaran pengetahuan; | √ | - |
| 4(1)(b) | untuk menentukan kriteria dan kelayakan untuk menerima masuk pelajar untuk kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan dan untuk memilih pemohon untuk kursus pengajian, pengajaran, latihan atau penyelidikan itu; | √ | - |
| 4(1)(c) | untuk mengiktiraf ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain institusi pengajian tinggi yang lain bagi maksud memasuki kursus pengajian dan peperiksaan Universiti dan juga pengurniaan ijazah yang lebih tinggi kepada pemegang ijazah, diploma, sijil atau kepujian akademik lain tersebut kepada si swazah Universiti mengikut syarat yang ditetapkan melalui kaedah-kaedah; | √ | - |
| 4(1)(d) | untuk memberikan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik lain termasuklah ijazah luar yang lain, kepada orang yang telah mengikuti kursus pengajian yang diluluskan oleh Universiti dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain yang ditetapkan melalui kaedah -kaedah; | √ | - |
| 4(1)(e) | untuk memberikan ijazah kepada ahli akademik Universiti yang telah memenuhi apa -apa kehendak yang ditetapkan melalui kaedah-kaedah; | √ | - |
| 4(1)(f) | untuk mengurniakan anugerah profesor emeritus atau ijazah kehormat kepada orang yang telah memberikan sumbangan terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang; | √ | √ |
| 4(1)(g) | untuk memberikan sijil kepada orang yang telah mencapai kecekapan dalam mana -mana bidang pengetahuan; | √ | - |
| 4(1)(h) | untuk mengadakan kursi, jawatan profesor, jawatan pensyarah dan jawatan lain dan jabatan, dan membuat pelantikan bagi jawatan dan jabatan itu; | - | √ |
| 4(1)(i) | untuk menubuhkan suatu percetakan Universiti dan menerbitkan buku dan bahan lain; | - | √ |

| PERLEMBAGAAN USM - SEKSYEN 4(1) dan SEKSYEN 4(3) | | SENAT | LGU |
|---|---|---|---|
| 4(1)(j) | untuk mendirikan, melengkapkan dan menyelenggarakan perpustakaan, makmal, muzium, dewan kuliah, bangunan tempat tinggal dan segala bangunan lain yang dikehendaki bagi maksud Universiti, di dalam atau di luar Malaysia; | - | √ |
| 4(1)(k) | untuk mengadakan dan mengurniakan *fellowship*, biasiswa, bantuan, dermasiswa, pingat, hadiah dan gelaran, kepujian, kurniaan lain dan jenis bantuan lain ke arah kemajuan dan penyebaran pengetahuan; | √ | √ |
| 4(1)(l) | untuk mengawal selia dan mengawal, pendapatan dan perolehan Universiti selain bantuan wang; | - | √ |
| 4(1)(m) | untuk menentukan, menuntut dan menerima fi pelajar dan apa-apa fi lain yang boleh ditentukan dari semasa ke semasa melalui peraturan-peraturan dan apa -apa arahan am mengenai pendidikan tinggi di bawah seksyen 3 Akta; | - | √ |
| 4(1)(n) | untuk melabur dalam tanah atau sekuriti (sama ada dibenarkan sebagai pelaburan pemegang amanah atau tidak), apa-apa wang yang terletak hak padanya sebagai derma kekal sama ada bagi maksud am atau maksud khas, atau apa-apa wang lain yang tidak dikehendaki segera bagi perbelanjaan semasa, dengan kuasa untuk mengubah mana-mana pelaburan itu dan mendepositkan dari semasa ke semasa apa-apa wang yang pada masa itu tidak dilaburkan dalam mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia sama ada dalam akaun deposit tetap atau akaun semasa; | - | √ |
| 4(1)(o) | untuk memberikan pinjaman atau pendahuluan kepada pekerjanya; | - | √ |
| 4(1)(p) | untuk memberikan pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya atas apa-apa terma dan syarat yang diluluskan oleh Lembaga; | - | √ |
| 4(1)(q) | untuk menjalankan penyelidikan yang bersifat komersial bagi pemajuan, penggunaan dan pengkomersialan berkesan dapatan penyelidikannya dan mendaftarkan serta menyenggara paten, cap dagangan dan hak harta intelek yang lain; | √ | √ |
| 4(1)(r) | untuk membuat kontrak, melantik pekerja dan menubuhkan apa-apa tabung amanah sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud Universiti; | - | √ |
| 4(1)(s) | untuk mengadakan jawatan dan kedudukan yang dikehendaki bagi menjalankan fungsi pekerja akademik dan sokongan; | - | √ |
| 4(1)(t) | untuk mengawal selia syarat perkhidmatan pekerja Universiti, termasuklah skim perkhidmatan, tangga gaji, insentif, kenaikan pangkat, peminjaman, pertukaran, cuti dan tatatertib; | - | √ |
| 4(1)(u) | untuk menubuhkan skim pencen atau skim persaraan atau skim kumpulan wang simpanan bagi faedah pekerjanya, dan membuat perkiraan dengan pertubuhan atau orang lain bagi menubuhkan skim itu; | - | √ |

| PERLEMBAGAAN USM - SEKSYEN 4(1) dan SEKSYEN 4(3) | | SENAT | LGU |
|---|---|---|---|
| 4(1)(v) | untuk melantik dan menaikkan pangkat pekerja Universiti dan menimbangkan rayuan daripada mana-mana pekerja yang terkilan dengan penjalanan kuasa untuk melantik dan menaikkan pangkat itu; | - | √ |
| 4(1)(w) | untuk menyediakan dan mengawal selia tempat tinggal dan kebajikan pekerja dan pelajar Universiti; | - | √ |
| 4(1)(x) | tertakluk kepada undang-undang bertulis lain, untuk mengawal selia tatatertib pekerja dan pelajar; | - | √ |
| 4(1)(y) | tertakluk kepada peruntukan Akta dan Perlembagaan ini, untuk membuat, membatal atau meminda apa-apa statut, kaedah-kaedah atau peraturanperaturan; dan | - | √ |
| 4(1)(z) | untuk melakukan segala perbuatan dan perkara lain, sama ada bersangkutan atau tidak dengan kuasa yang tersebut di atas yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi dan kuasanya di bawah Perlembagaan ini. | √ | √ |

Petunjuk berdasarkan Seksyen 4(1) dan Seksyen 4(3):

| | |
|---|---|
| Seksyen 4(3)(a) | Kuasa di bawah perenggan (1)(h), (i), (j), (l), (m), (n), (o), (p) dan (r) hingga (y) hendaklah dijalankan oleh Lembaga; |
| Seksyen 4(3)(b) | Kuasa di bawah perenggan (1)(a) hingga (e) dan (g) hendaklah dijalankan oleh Senat; dan |
| Seksyen 4(3)(c) | Kuasa di bawah perenggan (1)(f), (k), (q) dan (z) hendaklah dijalankan bersama oleh Lembaga dan Senat. |

Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah perenggan 4(3)(b) dan (c) dan subseksyen 24(7) di atas, Senat hendaklah melaksanakan fungsi dan menjalankan kuasa yang berikut (Seksyen 24(8)):

24(8)(a) - untuk menubuhkan Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi dan jabatan, unit atau badan di bawah Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi itu;

24(8)(b) - dengan keizinan Lembaga, untuk memberikan ijazah kehormat kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang;

24(8)(c) - untuk membentuk dasar dan kaedah pengajaran, pembelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa dan latihan yang dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;

24(8)(d) - untuk memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;

24(8)(e) - untuk menentukan kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan apaapa kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau hendak dijalankan di dalam, oleh atau dari Universiti;

24(8)(f) - untuk menentukan kelayakan yang dikehendaki bagi diterima masuk ke dalam mana-mana kursus pengajian yang diadakan di dalam, oleh atau dari Universiti;

24(8)(g) - untuk mengawal selia penjalanan penilaian dan peperiksaan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menentukan rayuan;

24(8)(h) - untuk menggubal dasar untuk melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional; dan

24(8)(i) - untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Perlembagaan ini.

**LAMPIRAN 2**

**SEMAKAN TERMA RUJUKAN SENAT**
**MATRIKS AUTORITI SENAT DAN PIHAK BERKUASA UNIVERSITI (PBU)**
**(MAJLIS / JAWATANKUASA UTAMA UNIVERISITI – SENAT – LGU)**


A. KURIKULUM……………………………………………………………………………………………………………………..8-9

B. PENGAMBILAN PELAJAR……………………………………………………………………………………………………10

C. PEPERIKSAAN & PENGIJAZAHAN……………………………………………………………………………………11-12

D. KALENDAR AKADEMIK…………………………………………………………………………………………………….12

E. PELAPORAN JAWATANKUASA PENGAJIAN/TEKNIKAL/KHAS DI BAWAH SENAT………………………………….13

F. JAMINAN KUALITI AKADEMIK / AKREDITASI (JAWATANKUASA SWAAKREDITASI)……………………………..13

G. PENANGGUHAN PENGAJIAN…………………………………………………………………………………………….13

H. PENGURNIAAN KEHORMAT……………………………………………………………………………………………..13

I. PINGAT EMAS/HADIAH BUKU……………………………………………………………………………………………14

J. PENYELIDIKAN DAN INOVASI……………………………………………………………………………………………14

K. PERKARA BERKAITAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI / AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA……………….14

L. WAKIL SENAT KE LEMBAGA/MAJLIS/JAWATANKUASA UTAMA UNIVERSITI……………………………………..14

M. PEMBENTANGAN MINIT MESYUARAT……………………………………………………………………………….15

N. HAL-HAL LAIN…………………………………………………………………………………………………………….15

| Bil | PERKARA | PIHAK BERKUASA UNIVERSITI | KELULUSAN | | | | | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SENAT | | LGU | | JKPT | |
| | | | SEDIA ADA | BAHARU | SEDIA ADA | BAHARU | | |
| **A.** | **KURIKULUM** | | | | | | | |
| 1. | Penawaran Program Akademik:-<br><br>a. Program Akademik Baharu<br>(Program Diploma/Sarjana Muda/ perlu kelulusan Mesyuarat Saringan Awal (MSA) JPT.) | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |
| | b. Penawaran Program Akademik Double / Dual/ Joint Degree | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |
| | c. Penawaran Program Akademik secara Francais | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |
| | d. Penawaran, Penambahan atau Perubahan Lokasi Program Akademik di Luar Premis UA – Pesisir, Pusat Wilayah, Pusat Pembelajaran. | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan/ Pengesahan | √<br>Kelulusan/ Pengesahan | √ | - |
| 2. | Perubahan Struktur Pengajian Program<br>a. Tempoh Pengajian | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |
| | b. Jam Kredit/Unit Berijazah | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |
| | c. Penambahan dan Perubahan Mod Pengajian – Kerja Kursus, Campuran, Penyelidikan, Industri) | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |
| | d. Perubahan Sidang Akademik Pengajian bagi Pengambilan Kohort Pertama Program Baharu | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |
| | e. Perubahan/Penambahan kaedah pengajian – sepenuh masa atau separuh masa | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |
| | f. Penawaran, Penambahan atau Perubahan Lokasi Program Akademik di Luar Premis UA – Pesisir, Pusat Wilayah, Pusat Pembelajaran. | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU<br>JK PENGAJIAN | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |

| Bil | PERKARA | PIHAK BERKUASA UNIVERSITI | KELULUSAN | | | | | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SENAT | | LGU | | JKPT | |
| | | | SEDIA ADA | BAHARU | SEDIA ADA | BAHARU | | |
| 3. | Semakan Kurikulum<br>a. Semakan major melebihi 30%<br>> 3 – 5 tahun | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √<br>Kelulusan / Pengesahan | √ | - |
| | b. Semakan minor kurang 30%<br>< 3 tahun | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Pemakluman | √<br>Pemakluman | - | - | - | Catatan:<br>Rekod SMU-P /<br>*Good Governance* |
| | c. Jumud, Beku dan Lupus<br>i. Penjumudan, Pembekuan, Pelupusan Program Akademik<br>ii. Penawaran Semula Program Akademik berstatus Jumud / Beku / Lupus | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan /<br>Pengesahan | √<br>Kelulusan /<br>Pengesahan | √ | - |
| 4. | Penawaran Kursus<br>a. Senarai Penawaran Kursus bagi setiap Sidang Akademik | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Kelulusan | Turun kuasa JPA/MPSU | - | - | - | • Kursus sedia ada yang telah diluluskan oleh Senat<br>• Senarai telah diteliti oleh Majlis PTJ |
| | b. Penawaran Kursus Baharu / Diaktifkan Semula / Diubahsuai<br>i. Kursus Baharu<br>ii. Kursus yang diaktifkan semula<br>iii. Kursus yang diubahsuai (jika pengubahsuaian melebihi 50%)<br>iv. Kursus yang diubahsuai (jika pengubahsuaian kurang 50%)<br>v. Kursus sedia ada (tanpa pindaan) | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Kelulusan | Turun kuasa JPA/MPSU | - | - | - | Senarai telah diteliti oleh Majlis PTJ |

| Bil | PERKARA | PIHAK BERKUASA UNIVERSITI | KELULUSAN | | | | | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SENAT | | LGU | | JKPT | |
| | | | SEDIA ADA | BAHARU | SEDIA ADA | BAHARU | | |
| **B.** | **PENGAMBILAN PELAJAR (Pembentangan Perakuan / Laporan daripada MKU)** | | | | | | | |
| 5. | Dasar dan Peraturan Pengambilan Pelajar<br>a. Cadangan dan Pindaan Syarat Am/Syarat Khas Pengambilan<br>b. Temu Duga / Ujian<br>c. Keperluan Bahasa | Ijazah Pertama / Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>MKU<br>MPSU | √<br>Kelulusan | Turun kuasa MKU/MPSU | Makluman | - | - | Catatan:<br>Cadangan tiga (3) orang wakil Senat mengikut kampus |
| 6. | Saluran / Corak Masuk / Bentuk Pengambilan Pelajar<br>a. Saluran Perdana<br>b. Saluran Alternatif<br>c. Luar Negara<br>d. Rancangan Pengajian Jarak Jauh (RPJJ)<br>e. Pengambilan *Bottom Household* 40% (B40)<br>f. Saluran USM+1 | Ijazah Pertama / Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>MKU/MPSU | √<br>Kelulusan | Turun kuasa MKU/MPSU | Makluman | - | - | Perkara yang melibatkan proses operasi |
| | g. Program secara pesisir – offshore<br>h. Double Degree<br>i. Dual Degree<br>j. Joint Degree<br>k. Pengwujudan Saluran Baru | Ijazah Pertama / Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>JPA / MPSU | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | Makluman | √<br>Kelulusan | √ | - |
| 7. | Unjuran Pengambilan Pelajar<br>a. Cadangan Unjuran<br>b. Kuota / Kuota Tambahan<br>c. Laporan dan Statistik Pengambilan Pelajar | Ijazah Pertama:<br>MAJLIS PTJ<br>MKU<br><br>Ijazah Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>MPSU | √<br>Kelulusan | Turun kuasa MKU/MPSU | Makluman | - | - | Perkara yang melibatkan proses operasi |

| Bil | PERKARA | PIHAK BERKUASA UNIVERSITI | KELULUSAN | | | | | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SENAT | | LGU | | JKPT | |
| | | | SEDIA ADA | BAHARU | SEDIA ADA | BAHARU | | |
| **C.** | **PEPERIKSAAN DAN PENGIJAZAHAN** | | | | | | | |
| 8. | Laporan Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti<br>Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi (bagi mod kerja kursus dan campuran sahaja). | MPU | √<br>Pengesahan | √<br>Pengesahan | - | - | - | Catatan:<br>Tarikh pengijazahan adalah berdasarkan tarikh Senat |
| | a. Keputusan Peperiksaan dan Pengijazahan Pelajar | MAJLIS PEMERIKSA PTJ<br>MPU | √<br>Pengesahan | √<br>Pengesahan | - | - | - | Catatan:<br>Tarikh pengijazahan adalah berdasarkan tarikh Senat |
| | b. Pelajar Lulus dan Layak Berijazah | Ijazah Pertama:<br>Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi (bagi mod kerja kursus dan campuran sahaja). | √<br>Pengesahan | √<br>Pengesahan | - | - | - | Catatan:<br>Tarikh pengijazahan adalah berdasarkan tarikh Senat |
| | | Ijazah Tinggi:<br>Jemaah Pemeriksaan Tesis (Pelajar Layak Berijazah Mod Penyelidikan) | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | - | - | - | Catatan:<br>Tarikh pengijazahan adalah berdasarkan tarikh Senat |
| | c. Statistik Senarai Pelajar Lulus dan Layak Berijazah | Ijazah Pertama:<br>Ijazah Pertama dan Ijazah Tinggi (bagi mod kerja kursus dan campuran sahaja). | √<br>Pengesahan | √<br>Pengesahan | √<br>Pemakluman | √<br>Pemakluman | - | Catatan:<br>Tarikh pengijazahan adalah berdasarkan tarikh Senat |
| | | Ijazah Tinggi:<br>Jemaah Pemeriksaan Tesis (Pelajar Layak Berijazah Mod Penyelidikan) | √<br>Pengesahan | √<br>Pengesahan | √<br>Pemakluman | √<br>Pemakluman | - | Catatan:<br>Tarikh pengijazahan adalah berdasarkan tarikh Senat |
| 9. | Penganugerahan Ijazah Anumerta (*Posthumous Award*) | Ijazah Pertama:<br>MAJLIS PTJ<br>NC<br>Ijazah Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>MPSU<br>JK ANUMERTA<br>MPSU<br>Senat | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | - | - | - | Catatan:<br>JK ANUMERTA ditubuhkan oleh MPSU dan dibawah tanggungjawab nya |
| 10. | Pemeriksa Dalam dan Pembantu Pemeriksa<br>a. Pindaan Pemeriksa Dalam dan Pembantu Pemeriksa | MAJLIS PTJ | √<br>Pengesahan | √<br>Pengesahan | - | - | - | - |

| Bil | PERKARA | PIHAK BERKUASA UNIVERSITI | KELULUSAN | | | | | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SENAT | | LGU | | JKPT | |
| | | | SEDIA ADA | BAHARU | SEDIA ADA | BAHARU | | |
| | b. Pelantikan Pemeriksa Dalam Peperiksaan Ikhtisas Program Sarjana Perubatan | MAJLIS PTJ<br>MPSU | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | - | - | - | - |
| 11. | Pelantikan / Pengguguran Pemeriksa Luar<br>a. Program Akademik / Ikhtisas Ijazah Pertama | Ijazah Pertama / Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Kelulusan | Diturun kuasa kepada JPA/MPSU | - | - | - | Memperkasakan JPA/MPSU sebagai jawatankuasa di bawah Senat |
| | b. Mod Campuran dan Kerja Kursus – Menilai Program / Peperiksaan Ikhtisas / Peperiksaan Akhir / Peperiksaan Ulangan / Projek Penyelidikan / Latihan Kepakaran / Disertasi | Ijazah Pertama / Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Kelulusan | Diturun kuasa kepada JPA/MPSU | - | - | - | Memperkasakan JPA/MPSU sebagai jawatankuasa di bawah Senat |
| | c. Pelantikan Pemeriksa Luar Pemeriksaan Tesis Mod Campuran / Penyelidikan ke dalam *"Pool"* | Ijazah Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>MPSU | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | - | - | - | - |
| | d. Pengguguran Pemeriksa Luar Dalam *"Pool"* Pemeriksa Tesis Mod Penyelidikan | Ijazah Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>MPSU | √<br>Kelulusan | Diturun kuasa kepada MPSU | - | - | - | Memperkasakan MPSU sebagai jawatankuasa di bawah Senat |
| 12. | Permohonan Menghidup Semula Pencalonan<br>a. Peringkat kelulusan adalah berdasarkan kes yang dipohon<br>b. Permohonan luar dari peraturan sedia ada | Ijazah Tinggi:<br>MAJLIS PTJ<br>Dekan IPS / MPSU | √<br>Kelulusan | Diturun kuasa kepada MPSU<br>(Tertakluk kepada perakuan/syor MPSU) | - | - | - | Memperkasakan MPSU sebagai jawatankuasa di bawah Senat |
| 13. | Kelulusan Agihan Slot Pemeriksa Luar PTJ bagi Setiap Tiga (3) Sidang Akademik | Ijazah Pertama / Ijazah Tinggi | √<br>Pemakluman | Diturun kuasa kepada JPA / MPSU | - | - | - | Memperkasakan JPA/MPSU sebagai jawatankuasa di bawah Senat |
| **D.** | **KALENDAR AKADEMIK** | | | | | | | |
| 14. | Kalendar Akademik<br>a. Cadangan setiap Sidang Akademik<br>b. Pindaan Kalendar Akademik<br>c. Kalendar Akademik PP Sains Perubatan<br>d. Kalendar Akademik PP Sains Pergigian<br>e. Kalendar Akademik PPJJ<br>**Nota : c, d dan e perlu kelulusan Majlis | MKU/TNCA | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | - | - | - | - |

| Bil | PERKARA | PIHAK BERKUASA UNIVERSITI | KELULUSAN | | | | | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SENAT | | LGU | | JKPT | |
| | | | SEDIA ADA | BAHARU | SEDIA ADA | BAHARU | | |
| **E.** | **PELAPORAN JAWATANKUASA PENGAJIAN/TEKNIKAL/KHAS DI BAWAH SENAT** | | | | | | | |
| 15. | Jawatankuasa Pengajian/Teknikal/Khas<br>a. Penubuhan Jawatankuasa Khas Penawaran program baharu | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Kelulusan | Diturun kuasa kepada JPA / MPSU | - | - | - | - |
| | b. Penubuhan/Penutupan/naik taraf Pusat/Institut | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √ | |
| | c. Pembentangan Laporan Jawatankuasa Pengajian/Khas | MAJLIS PTJ<br>JPA/MPSU | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √ | Catatan:<br>Laporan Jawatakuasa perlu dibentangkan di JPA/MPSU untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum dikemukakan kepada Senat untuk kelulusan penawaran program akademik baharu |
| **F.** | **JAWATANKUASA SWAAKREDITASI** | | | | | | | |
| 16. | Laporan Audit Akreditasi (Sementara dan Penuh) Program Akademik | Pusat Swaakreditasi<br>JK Swaakreditasi | - | √<br>Kelulusan | - | √<br>Kelulusan | √ | - |
| **G.** | **PENANGGUHAN PENGAJIAN** | | | | | | | |
| 17. | Statistik Penangguhan Pengajian | MAJLIS PTJ<br>MKU / MPSU | √<br>Makluman | - | - | - | - | Catatan:<br>Pembentangan statistik di peringkat MKU/MPSU - pembentangan sekali setiap semester |
| **H.** | **PENGURNIAAN KEHORMAT** | | | | | | | |
| 18. | a. Dasar, Kriteria dan Peraturan Ijazah Kehormat | JK PENGURNIAAN KEHORMAT | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | - | - |
| | b. Pencalonan Ijazah Kehormat | MAJLIS PTJ<br>Mesyuarat Saringan JK Pengurniaan Kehormat<br>Mesyuarat JK Pengurniaan Kehormat | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | √<br>Kelulusan | - | - |

| Bil | PERKARA | PIHAK BERKUASA UNIVERSITI | KELULUSAN | | | | | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SENAT | | LGU | | | |
| | | | SEDIA ADA | BAHARU | SEDIA ADA | BAHARU | JKPT | |
| **I.** | **PINGAT EMAS/HADIAH BUKU** | | | | | | | |
| 19. | a. Cadangan Baharu Hadiah / Pingat Emas **<br><br>**Mulai Senat 247 (29.09.2017), hal ehwal kewangan nilai hadiah diuruskan secara pentadbiran dan tidak perlu melalui Senat. | JK Anugerah Pingat Emas Universiti<br><br>Senat | √<br><br>Kelulusan / Pengesahan | √<br><br>Kelulusan / Pengesahan | √<br><br>Kelulusan | - | - | Catatan: Kelulusan / pengesahan Senat sahaja |
| | b. Pindaan Hadiah/ Nama Gelaran Hadiah Pingat Emas | JK Anugerah Pingat Emas Universiti<br><br>Senat | √<br><br>Kelulusan / Pengesahan | √<br><br>Kelulusan / Pengesahan | √<br><br>Kelulusan | - | - | Catatan: Kelulusan / pengesahan Senat sahaja |
| | c. Senarai Pemenang Hadiah Pingat Emas, Hadiah Buku dan Hadiah Kepujian | JK Anugerah Pingat Emas Universiti<br><br>Senat | √<br><br>Kelulusan / Pengesahan | Senat turun kuasa kelulusan kepada JK Anugerah Pingat Emas Universiti | - | - | - | Perkara yang melibatkan proses operasi |
| **J.** | **PENYELIDIKAN DAN INOVASI** | | | | | | | |
| 20. | Laporan Penyelidikan dan Inovasi | TNC (R&I) | √<br><br>Makluman | Senat turun kuasa kepada Majlis Penyelidikan Universiti / H.O.D | - | - | - | Memperkasakan MPU/H.O.D sebagai jawatankuasa di bawah Senat |
| **K.** | **PERKARA BERKAITAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI / AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA** | | | | | | | |
| 21. | Surat Pemakluman / Pekeliling | KPT/MQA | √<br><br>Makluman | √<br><br>Makluman | - | - | - | Catatan: Pembentangan pemakluman Senat tertakluk kepada perakuan NC/TNCAA |
| **L.** | **WAKIL SENAT KE LEMBAGA/MAJLIS/JAWATANKUASA UTAMA UNIVERSITI** | | | | | | | |
| 22. | Pemilihan Wakil Senat Ke Jawatankuasa/Majlis Utama Universiti | - | √ | √ | - | - | - | - |

| Bil | PERKARA | PIHAK BERKUASA UNIVERSITI | KELULUSAN | | | | | JUSTIFIKASI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | SENAT | | LGU | | JKPT | |
| | | | SEDIA ADA | BAHARU | SEDIA ADA | BAHARU | | |
| **M.** | **PEMBENTANGAN MINIT MESYUARAT** | | | | | | | |
| 23. | a. Minit Mesyuarat Majlis Akademik**<br>i. Majlis Pusat Pengajian (26)<br>ii. Majlis Pusat (14)<br>iii. Majlis Institut Pengajian (5) | MAJLIS PTJ | √ Makluman | √ Makluman | - | - | - | - |
| | b. Minit Jawatankuasa Perancangan Akademik (JPA) | JPA | √ Makluman | √ Makluman | - | - | - | - |
| | c. Minit Mesyuarat Majlis Pengajian Siswazah Universiti | MPSU | √ Makluman | √ Makluman | - | - | - | - |
| | d. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pengurniaan Kehormat | MESYUARAT JK PENGURNIAAN KEHORMAT | √ Makluman | √ Makluman | - | - | - | - |
| | e. Jawatankuasa Khas atau Adhoc di bawah Senat | JK KHAS/ADHOC | √ Makluman | √ Makluman | - | - | - | - |
| **N.** | **HAL-HAL LAIN** | | | | | | | |
| 24. | a. Apa-apa perkara berkepentingan dalam skop bidang kuasa Senat | Pejabat NC, TNCAA dan Pendaftar | √ Pengesahan | √ Pengesahan | - | - | - | - |
| | b. Jadual Mesyuarat Senat | Pejabat NC, TNCAA dan Pendaftar | √ Makluman | √ Makluman | - | - | - | - |
| | c. Tarikh konvokesyen | Pejabat NC, TNCAA dan Pendaftar | √ Makluman | √ Makluman | - | - | - | - |

Nota :
1.** Perintah Tetap Pusat Pengajian/ Pusat/ Institut menetapkan supaya Majlis perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurang sekali bagi setiap semester. Takrifan tempoh semester, iaitu setiap semester bermula dari tarikh hari pertama pengajaran dan berakhir sebelum hari pertama semester seterusnya bermula
2.** Minit Mesyuarat Majlis Pusat Pengajian/Pusat/Institut dibentangkan untuk makluman Senat. Bagi perkara yang memerlukan perhatian atau pertimbangan Senat, Pusat Pengajian/ Pusat/Institut/mana-mana badan atau pihak berkuasa universiti yang lain, perlu mengemukakan permohonan lengkap atau kertas kerja secara rasmi dan bertulis untuk dipertimbangkan

LAMPIRAN 3

## SENARAI MAJLIS AKADEMIK PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT

| MAJLIS AKADEMIK - PUSAT PENGAJIAN/PUSAT/INSTITUT | |
|---|---|
| **1. Majlis Pusat Pengajian (PP) (26)**<br>1.1. PP Bahasa, Literasi dan Terjemahan<br>1.2. PP Ilmu Kemanusiaan<br>1.3. PP Ilmu Pendidikan<br>1.4. PP Kejuruteraan Aeroangkasa<br>1.5. PP Kejuruteraan Awam<br>1.6. PP Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral<br>1.7. PP Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik<br>1.8. PP Kejuruteraan Kimia<br>1.9. PP Kejuruteraan Mekanik<br>1.10. PP Komunikasi<br>1.11. PP Pendidikan Jarak Jauh<br>1.12. PP Pengurusan<br>1.13. PP Perumahan, Pembangunan dan Perancangan<br>1.14. PP Sains Farmasi<br>1.15. PP Sains Fizik<br>1.16. PP Sains Kajihayat<br>1.17. PP Sains Kemasyarakatan<br>1.18. PP Sains Kesihatan<br>1.19. PP Sains Kimia<br>1.20. PP Sains Komputer<br>1.21. PP Sains Matematik<br>1.22. PP Sains Pergigian<br>1.23. PP Sains Perubatan<br>1.24. PP Seni<br>1.25. PP Siswazah Perniagaan<br>1.26. PP Teknologi Industri | **2. Majlis Pusat (14)**<br>2.1. Pusat Biologi Kimia<br>2.2. Pusat IPv6 Termaju Negara<br>2.3. Pusat Kajian Kelestarian Global<br>2.4. Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam [ISDEV]<br>2.5. Pusat Kajian Samudera dan Pantai<br>2.6. Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroeletronik<br>2.7. Pusat Penyelidikan Arkeologi *Global*<br>2.8. Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan<br>2.9. Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa<br>2.10. Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar<br>2.11. Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender<br>2.12. Pusat Rancangan Kokurikulum<br>2.13. Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia<br>2.14. Pusat Racun Negara<br><br>**3. Majlis Institut Pengajian (6)**<br>3.1. Institut Penyelidikan Perubatan Molekul<br>3.2. Institut Perubatan dan Pergigian Termaju<br>3.3. Institut Penyelidikan dan Teknologi NanoOptoelektronik<br>3.4. Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara<br>3.5. Majlis Pengajian Siswazah Transdisiplinari - Institut Pengajian Siswazah<br>3.6. Institut Farmaseutikal Nutraseutikal Malaysia |